

Renunglah!

Kekayaan dan Menuntut Ilmu

(Oleh Zakaria Saleh)

Kekayaan

Kekayaan seseorang itu bukanlah kerana banyak hartanya, kekayaan yang sejati ialah kekayaan jiwa. Begitulah antara lain sabda Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, kerana kekayaan bukan bererti kemuliaan, kemiskinan bukan bererti kehinaan. Miskin kaya seseorang itu bukanlah tingkatan dari taraf hidupnya sehari-hari dan anggapan tidak setaraf tidak mesti diamalkan dalam kehidupan. Lantaran tidak ada yang lebih berkuasa dari Allah.

Kata ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb yang bererti:

“Tidak ada orang yang derhaka kepada Allah kerana jadi miskin, tetapi terlalu banyak orang yang derhaka kepada Allah kerana hendak jadi kaya.”
Ingatlah kaya dan miskin adalah pemberian Tuhan jua, andai kata Tuhan boleh mencorakkan apa sahaja, kita cuma menerima dan berusaha sahaja. Tak lebih dari itu.

Tetapi jangan sekali-kali kita takbur atau bongkak atau meninggi diri, kerana itu tidak akan berkekalan. Si kaya yang takbur dan bongkak akan menerima pembalasan dari Tuhan jua. Janganlah memandang rendah dan

hina kepada seseorang, anggaplah diri sendiri sama setaraf dengan orang lain tanpa beza-membeza. Semoga dengan itu Allah akan memberi rahmat dan nikmat yang abadi kepada kita semua.

Di samping Tuhan menganugerahkan tulang empat kerat kepada kita – yang tidak cacat dengan demikian – gunakanlah kesempatan itu pada jalan yang berfaedah dan berkebaikan. *In shā-Allāh* dengan rajin dan usaha tanpa mengenal bosan dan jemu mungkin kita akan memiliki sedikit sebanyak kekayaan tersebut. Kerana kalau kita sudah berusaha di hari ini kita tidak akan bimbang lagi dengan nasib kita di hari esok.

Jikalau sesuatu perusahaan yang suci dan berhati-hati, pasti hasilnya akan kita temui juga. Sesuatu yang diidamkan tidak akan berhasil kiranya kita cuma berpeluk tubuh atau hanya menadah tangan memohon doa kepada Allah agar segala yang dihajat tercapai.

Kita mestilah berusaha dengan penuh tenaga untuk mendapatkannya, bagai kata pepatah: “Kalau tidak dipecahkan ruyung di manakah mendapat sagunya.”

Walaupun kita anggap atau kita rasa kehidupan kita gelap, namun

kita tidak seharusnya resah dan gelisah. Ingatlah bila gelap menjelma tiba, di sebaliknya ada tersembunyi sinar harapan, cahaya terang dan kecemerlangan di masa muka yang luas terbentang. Oleh sebab hari tak mungkin gelap sentiasa panas dan terang akan sekali menghadapi ketikanya. Kerana itu sudah menjadi lumrah alam, hujan panas permainan hari, susah senang permainan hidup.

Demikian juga kehidupan kita di dunia ini, akan berubah dan bertukar di atas landasannya, hanya kita hendaklah mengawasinya setiap ketika.

Sebagaimana firman Tuhan yang bermaksud:

“Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu umatnya melainkan ianya sendiri yang dapat mengubahnya.”

Akhir kata ditinggalkan pesan:

Seandainya kita sudah beroleh kesenangan atau kemewahan jangan pula kita lupa akan tugas serta tanggungjawab kita, lebih-lebih lagi kewajipan terhadap Allah *Subhānahu wa Ta ‘ālā*.

Demikian juga kita tidak seharusnya melupai orang yang miskin hina dan menderita atau yang tidak bernasib baik dalam kehidupannya, kita hendaklah menolong mereka dengan seberapa daya yang kita boleh. Ingatlah kalau kita sudah berada di atas janganlah pula kita lupa memandang ke bawah walau sejenak, kerana dari bawahlah kita naik dan mendaki ke arah kejayaan atau ke mercu keindahan yang dicapai.

Renunglah!

Menuntut Ilmu

Ilmulah yang dapat meletakkan seseorang itu ke tempat yang tinggi, kerana ilmu amat penting dalam kehidupan sehari-hari, baik pun di dunia mahupun di akhirat.

Dari itu rebutlah ilmu walaupun ke dasar lautan, di pergunungan atau ke perut bumi sekalipun. Sebagaimana kata sebuah hadith Nabi yang bermaksud: “Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China”, kerana dengan adanya ilmu dapat menjadikan seseorang itu bahagia dengan erti kata yang sebenarnya. Dan seperti kata sebuah hadith Nabi lagi yang bermaksud: “Jika kamu berkehendakkan dunia hendaklah kamu berilmu, jika kamu berkehendakkan akhirat hendaklah berilmu dan jika kamu berkehendakkan dunia dan akhirat hendaklah kamu berilmu.”

Dengan perantaraan kedua-dua hadith itu ketahuilah kita betapa berharga dan bergunanya ilmu, walau di mana kita berada dan ke mana kita pergi. Amat logik sekali jika segala ilmu tersebut dapat diisi dengan sebanyak-banyaknya di dalam dada kita di dunia ini. Laksana taman yang hidup subur dan rendah serta menghijau, buahnya lebat penuh berisi dan mendatangkan selera pula bila kita menikmatinya, kiranya tanaman tersebut berada di atas tanah subur dan penuh baja, begitulah sebaliknya pada orang yang berilmu. Seperti kata bijak pandai: “Orang yang berilmu boleh hidup walaupun ditempatkan di tempat orang yang telah mati”.

Dari itu janganlah membuang masa pada menuntut ilmu, dan masa keemasan jangan dipersia-siakan dengan tanpa sesuatu pekerjaan yang berfaedah. Gunakan kesempatan tersebut dengan menuntut ilmu, kerana sedikit masa berlalu tidak akan berulang kembali.

Lebih-lebih lagi kita sekarang sedang berada di dalam zaman kemerdekaan zaman orang mengejar kemajuan. Seandainya kita masih lalai melaksanakan segala tugas terhadap bangsa dan tanah air yang berdaulat dan tercinta, selama itulah kita akan ketinggalan ke belakang zaman.

Dengan itu saya petik sepotong ayat lagi dari sebuah hadith Nabi yang bermaksud: “Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok!”

Sesungguhnya orang yang berilmu biarpun kehidupannya miskin, tetapi ianya sentiasa kemas dan teratur pada sebilangan masa dan setiap ketika. Ini akan terbukti tidak seperti seorang kaya yang tanpa berilmu.

Oleh yang demikian buangkan perasaan bosan dan jemu, tetapkan iman dan hatimu, perteguhkanlah azam menuntut ilmu dengan tekad yang satu iaitu perasaan yang ingin maju dan terus maju, demi mencapai cita-cita yang satu:

Dan istimewa ucapan ini ditujukan kepada mereka yang sedang menuntut ilmu atau para pelajar yang budiman, semoga sedikit sebanyak akan memberi manfaat jua hendaknya, di samping dapat memberi pedoman dalam kehidupan di masa depan.

Selamat maju jaya di alam pelajaran dan selamat belajar dan terus belajar dengan hati yang tekun dan sabar.

Buku Baru.

Istimewa.

RISALAH PENDIDIKAN DAN KELUARGA

Kumpulan dari kata2 dan nasihat yang berharga Al-Imam Al-Shahid Hasan Al-Banna Pemimpinan Al-Ekhwanul-Muslimin yang mustahak di-jadikan panduan hidup di-dalam suatu masharakat Islam yang bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh pemuda dan pemudi Islam angkatan baru yang chintakan Islam.

Ada naskhah Jawi dan ada naskhah Rumi.

Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya.

Selangor.